



KETUA Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr Ismail Bakar. - Foto Abd Rahim Rahmat

## Perkhidmatan awam perlu segera berubah - KSN

Oleh Suhaila Shahrul Annuar  
cnews@nsp.com.my[f Share](#) [t Tweet](#) [g+ Share](#)

PUTRAJAYA: Konsep penyampaian perkhidmatan awam perlu segera berubah bagi menghadapi cabaran yang semakin kompleks seiring perkembangan

Revolusi Perindustrian Ke-4 (Industri 4.0).

Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr Ismail Bakar berkata justeru semua penjawat awam perlu meningkatkan kemahiran serta pengetahuan dalam melaksanakan tugas.

Katanya, Industri 4.0 merangkumi pelbagai teknologi baharu seperti automasi, Internet of Things (IoT), analisis data besar, simulasi, integrasi sistem, penggunaan robotik, kecerdasan buatan (artificial Intelligence) dan pengkomputeran awan (cloud computing) bagi merencanakan kemajuan landskap dunia moden.

Beliau berkata inovasi tidak semestinya semata-mata mencipta produk baharu atau peraturan baharu, sebaliknya inovasi mungkin menambah baik peraturan lama, yang sepatutnya sudah ketinggalan zaman tetapi masih dilaksanakan.

"Ia perlu menjurus kepada kehendak pelanggan melalui penambahbaikan proses atau prosedur dalaman, dengan memansuhkan atau mengkaji semula peraturan yang sudah lapuk.

"Baru-baru ini, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) membuat penambahbaikan dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bilangan 4 Tahun 2018, myPortfolio: Panduan Kerja Sektor Awam bagi menggantikan PKPA Bilangan 8 Tahun 1991: Panduan Mengenai Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja.

"Inisiatif penambahbaikan ini adalah pendekatan baharu yang dilaksanakan secara komprehensif. Ia dibuat setelah mengambil kira cabaran dan perubahan semasa, sama ada di peringkat global atau domestik seperti gelombang teknologi digital, ekspektasi rakyat, dominasi golongan milenial dan Industri 4.0," katanya ketika berucap pada Hari Inovasi dan Kecemerlangan JPM 2018 di sini, hari ini.

## Trending

Bayi 12 hari maut diculik monyet ketika sedang menyusui

Sava terima ana sahaia

Jenazah Zaibo selamat dikuburkan

Isu banglo, BMF, Perwaja tak sebut?

Tengku Adnan ditahan SPRM

Equanimity di Langkawi

## Disyorkan

Belanjawan 2019 tak diubah - Guan Eng

Program bantuan susu diteruskan

BACA SETERUSNYA >

Tiada sukan terpinggir - Syed Saddiq

Keluarga Zara bantah cadangan mansuh hukuman mati

Penjawat awam terima bayaran khas RM500 Disember ini

Belanjawan 2019 'amat kejam' terhadap B40 - Khairy

BACA SETERUSNYA >

Bayi 12 hari maut diculik monyet

Beliau berkata antara perkara penting yang akan diberikan tumpuan selepas ini adalah reformasi perkhidmatan awam dengan menambah baik segala tadbir urus serta mendukung akauntabiliti dan ketelusan dalam pentadbiran kerajaan bagi meningkatkan kepercayaan rakyat di terhadap kecekapan perkhidmatan awam.

"Ia akan dilaksanakan pada semua peringkat jawatan, meningkatkan integriti berakauntabiliti, menguatkuasa pengurusan kewangan awam yang berhemah dan memperkukuh penyampaian perkhidmatan awam.

"Bagi mencapai matlamat Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) dan Belanjawan 2019 ini, kerajaan mestilah mempunyai sistem pentadbiran yang cekap, telus dan berkesan.

"Penjawat awam perlu berfikir secara kreatif dan inovatif bagi menambahbaik proses kerja sedia ada dalam memberi penyampaian perkhidmatan yang efisien serta efektif, pada masa yang sama perlu sentiasa mendukung prinsip integriti dan ketelusan dalam setiap perkara kerja," katanya.

Beliau berkata kerehah birokrasi, ketidakcekapan perkhidmatan dan penyampaian selain isu berkaitan integriti yang membabitkan penjawat awam sering memberi imej yang negatif terhadap perkhidmatan awam.

"Perkara ini menuntut semua penjawat awam perlu sentiasa peka dan responsif dengan keperluan rakyat secara menyeluruh," katanya.

**BACA SETERUSNYA >**



**BACA SETERUSNYA >**



Bayi 12 hari maut diculik monyet  
ketika sedang menyusui